

05 JANUARI 2018

## Hasil serbuan besar ambang tahun baru

### Hasil serbuan besar ambang tahun baru



POLIS mempamerkan ratusan beg ganja ketika sidang media di Jakarta, semalam. - EPA

**Jakarta:** Pihak berkuasa Indonesia merampas 1.3 tan ganja dan menahan enam orang dalam serbuan dadah besar pada ambang Tahun Baru lalu, kata polis, di

sini, semalam.

Dadah berkenaan dirampas di sebuah pelabuhan berhampiran Lampung, Sumatera.

Bongkah ganja yang di-

bungkus rapi itu ditemui tersorok di dalam beberapa kenderaan yang menunggu giliran melintas masuk ke Jawa Barat, lapor media tempatan.



Jenayah narkotik antara 2015 hingga 2017 semuanya meningkat 11.8 peratus dengan kebanyakan mangsanya kanak-kanak serta remaja”

*Idham Aziz*

Enam orang ditahan tetapi nilai dadah berkenaan belum didedahkan.

Ketua Polis Jakarta Barat Idham Aziz berkata, kes berkaitan dadah di Jawa Barat semakin meningkat.

“Jenayah narkotik antara 2015 hingga 2017 semuanya meningkat 11.8 peratus dengan kebanyakan mangsanya kanak-kanak serta remaja,” katanya dalam satu sidang media.

Presiden Joko Widodo (Jokowi) sebelum ini mengisytiharkan negara itu menghadapi ‘darurat narkotik.’ - AFP